



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

**Acara Brunei Salebration (BSb) 2020 bermula lebih awal bantu tingkatan
aktiviti perekonomian domestik**

Tarikh: 10 November 2020

1. Acara Brunei Salebration (BSb) 2020 akan bermula pada Ahad, 15 November 2020 sehingga Hari Tahun Baru Cina, Jumaat, 12 Februari 2021 selama 90 hari.
2. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan ini mengalu-alukan penyertaan di kalangan peniaga dari pelbagai sektor termasuk kedai-kedai menjual barangan perabot rumah, kasut, buku, alat sukan, barangan kemas, gedung-gedung perniagaan dan sebagainya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam acara jualan murah hujung tahun ini dengan menawarkan diskaun menarik bagi mendokong usaha kerajaan merangsang kegiatan perekonomian dalam negara bagi meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi.
3. Acara BSB 2020 kali ini akan dimulakan dua minggu lebih awal dari kelazimannya dan pihak Kerajaan menggalakkan para peniaga untuk sama-sama memainkan peranan masing-masing dalam meningkatkan aktiviti perekonomian domestik berikutan dengan wabak COVID-19. Bagi meningkatkan penyertaan, JPES mengalu-alukan penglibatan daripada perniagaan atas talian yang berdaftar ke arah memberikan pengguna pelbagai pilihan produk pada harga yang kompetitif dan pilihan berbelanja bagi menepati keperluan dan citarasa pengguna.
4. Para peserta juga disarankan untuk mematuhi garis panduan terkini yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan, terutamanya mengambil langkah-langkah berwaspada dari wabak virus COVID-19 termasuk melakukan pemeriksaan suhu badan pelanggan dan menyediakan pembersih tangan, memastikan pelanggan mengimbas kod QR aplikasi BruHealth, mematuhi garis panduan perhimpunan ramai dengan menghadkan jumlah pelanggan kepada 350 orang di dalam premis pada satu-satu masa dan membuat tanda penjarakan sosial, serta memastikan kebersihan troli dan bakul. Para peniaga atas talian juga adalah disarankan untuk mengambil langkah berwaspada semasa menyediakan perkhidmatan penghantaran kepada para pelanggan seperti melaksanakan penghantaran tanpa sentuhan (*no-contact delivery*).

5. Peserta acara BSb 2020 juga akan diberikan platform tambahan di dalam aplikasi mudah alih “*PenggunaBijak*” bagi tujuan publisiti dan meningkatkan visibiliti kepada pengguna yang berminat. Aplikasi mudah alih ini dapat dimuat naik secara percuma bagi peranti iOS dan Android.
6. Pihak JPES turut mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan para peserta BSb 2020 untuk sentiasa menjalankan perniagaan dan aktiviti jualan murah secara beretika dengan mematuhi Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar), 2011 bagi meningkatkan keyakinan pelanggan dan kredibiliti syarikat. Barangan yang ditawarkan sama ada di premis dan platform atas talian juga hendaklah dipaparkan tanda harga atau potongan harga yang jelas selaras dengan Peraturan Paparan Tanda Harga bagi memastikan ketelusan harga serta membolehkan para pengguna membuat pilihan pembelian. Selaras dengan Peraturan-Peraturan Jualan Murah, Notis-Notis Jualan yang dikeluarkan oleh JPES hendaklah dipaparkan dengan terang dan jelas di setiap premis perniagaan masing-masing atau dipamerkan dengan jelas di dalam platform atas talian sebagai tanda penyertaan di dalam acara BSb 2020
7. Bagi menyertai acara BSb 2020, para peniaga hanya perlu menghadapkan Borang Makluman Jualan ke JPES. Borang Makluman tersebut boleh dimuat turun dari laman sesawang JPES di www.jpes.gov.bn/cad dan borang yang lengkap hendaklah dikembalikan tidak lewat dari 21 November 2020 sama ada ke bangunan JPES atau melalui emel di sales@jpke.gov.bn. Peniaga yang ingin mengikuti acara jualan murah ini untuk tempoh yang pendek selama 64 hari bermula 15 November 2020 hingga 17 Januari 2021 boleh menghubungi pihak JPES untuk maklumat lanjut.
8. Sebarang pertanyaan mengenai acara BSb 2020 boleh disalurkan kepada JPES melalui aplikasi mudah alih “*PenggunaBijak*”, emel (sales@jpke.gov.bn) atau talian 2230223 (semasa waktu bekerja).

Logo Brunei Salebration 2020





PRESS RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

**Brunei *Salebration* (BSb) 2020 kicks off earlier to
boost economic activities**

Date: 10 November 2020

1. Brunei *Salebration* (BSb) 2020 will kick off on Sunday, 15 November 2020 and will run until Chinese New Year's Day on Friday, 12 February 2021 for a total of 90 days.
2. The Department of Economic Planning and Statistics (JPES) in the Ministry of Finance and Economy encourages retailers from all sectors including home furnishing, clothing and footwear, health and beauty, sports and books, jewellers, department stores and others to take part in the annual end-of-year sales event by offering attractive discounts in supporting the national effort of stimulating shop-in-Brunei to bolster economic growth.
3. BSb 2020 commences two weeks earlier than usual as the government calls all retailers to play their part in boosting domestic economic activities following the COVID-19 pandemic. To increase participation, JPES welcomes greater involvement by registered online businesses with the aim of providing consumers with a larger choice of products at competitive prices and shopping options to meet their needs.
4. Participating retailers are reminded to adhere to the latest guidelines issued by the Ministry of Health (MOH), especially by implementing precautionary measures against COVID-19 such as body temperature screening, providing hand sanitisers, ensuring customers scan the QR code for BruHealth, adhering to the mass gathering guidelines by limiting the number of customers in the premises to a maximum of 350 at any one time and putting up signs reminding customers to practice social distancing, as well as ensuring the cleanliness of shopping trollies and baskets. Online businesses should also take health precautions when delivering to their customers such as providing no-contact delivery.
5. The list of participating stores will be featured in the JPES's '*PenggunaBijak*' mobile application to provide more publicity for businesses and increase their visibility to interested consumers. The '*PenggunaBijak*' mobile application can be downloaded for free for both iOS and Android devices.

6. JPES would also like to take this opportunity to remind participants of BSb 2020 to conduct their businesses and sales activities in an ethical manner in compliance with the Consumer Protection (Fair Trading) Order, 2011 to maintain consumer confidence and build business credibility. Goods offered on sale in physical and online stores must be clearly price-tagged in line with the Display of Prices Regulations, which ensures price transparency to enable consumers to make informed purchase decisions. In line with the Cheap Sales Price Regulations, Sales Notices issued by JPES must be clearly displayed at each participating business premises or made readily available to the public on online platforms as an identification of legitimate participation to BSb 2020.
7. To participate in BSb 2020, businesses need only to submit a Notification Form to JPES. The Notification Form can be downloaded from JPES's website at www.deps.gov.bn/cad and must be submitted no later than **21 November 2020** to the JPES building or by email to sales@jpke.gov.bn. Businesses wishing to participate in the sales event for a shorter duration of 64 days from 15 November 2020 to 17 January 2021 may contact JPES for further details.
8. Any business inquiries related to sales activities especially BSb 2020 can be directed to JPES through the "SmartConsumer" mobile application, email (sales@jpes.gov.bn) or by phone (2230223 during office hours).

Brunei Salebration 2020 Logo

